

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : **23 MAC 2022 (RABU)**

SOALAN

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan secara terperinci menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 serta apakah status pencapaian Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2030, Malaysia dijangka mencapai status negara tua apabila 15.3% daripada populasi negara mencapai umur 60 tahun dan ke atas. Kesan daripada fenomena ini akan mencetuskan pelbagai cabaran kepada persekitaran ekonomi dan sosial negara kita. Dalam hubungan ini, usaha bersepadu sedang diambil untuk mempertingkatkan penjagaan, perlindungan dan sokongan bagi membolehkan warga emas menjadi anggota masyarakat yang aktif. Oleh itu, pelbagai perancangan dan inisiatif proaktif oleh kerajaan telah dan sedang dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi status negara tua. Antara program sedia ada yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan kesejahteraan warga emas adalah seperti berikut:

- i. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
- ii. Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)
- iii. Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM500 sebulan bagi yang berkelayakan
- iv. Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)
- v. Institusi Warga Emas (Rumah Sri Kenangan dan Desa Bina Diri)
- vi. Program Intergenerasi
- vii. *Golden Mind Programme*
- viii. Perkhidmatan *Respite Care*
- ix. Sistem e-WEN
- x. Program-program kekeluargaan di bawah LPPKN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang merangka strategi dan pelan tindakan di bawah RMKe-12 bagi memastikan kesejahteraan warga emas dan sebagai langkah persediaan awal ke arah status negara tua pada tahun 2030. Antara inisiatif kementerian/ jabatan dalam agenda pembangunan warga emas adalah seperti berikut:

i. **Menambahbaik Pelan Tindakan Warga Emas**

Kementerian sedang dalam meneliti dan menambah baik pelan tindakan warga emas supaya inisiatif di dalam pelan tindakan tersebut kekal relevan dan diteliti secara holistik bagi memastikan kesejahteraan warga emas.

ii. **Rang Undang-Undang Warga Emas (RUU Warga Emas)**

Kerajaan juga sedang menggubal satu draf Rang Undang-Undang khusus untuk warga emas yang akan memfokuskan kepada promosi dan perlindungan hak asasi warga emas. Dalam proses penggubalan ini, KPWKM telah mengadakan sesi konsultasi bagi mendapatkan pandangan semua pemegang taruh bagi menghasilkan draf RUU yang holistik dan lengkap serta bersesuaian dengan konteks Malaysia. Kerajaan menyasarkan RUU ini dibentangkan di Parlimen pada tahun 2023.

Usaha pewujudan RUU Warga Emas ini merupakan satu langkah ke hadapan Kementerian bagi memastikan nasib warga emas terbela, sesuai dengan sasaran *Sustainable Development Goal (SDG) ke-3* iaitu *to promote and ensure healthy living and wellbeing of all ages* yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

iii. **Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang**

Kerajaan juga sedang melaksanakan kajian untuk mewujudkan satu model penjagaan jangka masa panjang bagi warga emas yang mampan dan menyeluruh. Model ini kelak akan mengintegrasikan perkhidmatan yang ditawarkan di peringkat hospital dan institusi dengan di rumah dan komuniti.

iv. **Modul Penjagaan Warga Emas (NOSS)**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dilantik oleh Jabatan Kemahiran Malaysia (JPK) sebagai Badan Peneraju Industri bagi sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti termasuk bidang penjagaan warga emas. JKM menggalakkan kepada penjaga

pusat jagaan untuk mendapat Sijil Kemahiran Masyarakat (SKM) dalam penjagaan warga emas ini.

v. **Pewujudan *age-friendly city* atau bandar mesra usia**

Bandar mesra usia ini tidak memfokuskan hanya aspek mesra warga emas tetapi juga memenuhi keperluan Orang Kurang Upaya (OKU), kanak-kanak, wanita, keluarga serta komuniti secara keseluruhan. Bandar mesra usia adalah bandar untuk semua lapisan dan golongan masyarakat.

Objektif projek ini adalah untuk menggalakkan penyertaan orang ramai dalam perancangan tempatan dalam membangunkan rangka kerja dan pelan tindakan untuk mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' NELSON A/L
RENGANATHAN

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Dato' Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk mengawal selia operasi kemudahan penjagaan warga emas dan kakitangan penjaga memandangkan populasi menua (*aging population*) akan meningkat di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Populasi negara dalam kalangan individu berusia 60 tahun dan ke atas akan meningkat sehingga 15.3% daripada keseluruhan populasi dan seterusnya menjadikan Malaysia mencapai status negara tua menjelang tahun 2030. Justeru itu, kerajaan telah membuat perancangan dan mengambil langkah sewajarnya bagi mengawal selia operasi kemudahan penjagaan warga emas dan kakitangan penjaga bagi menghadapi situasi status negara tua pada tahun 2030. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah mengkaji semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan pelaksanaan kajian-kajian berkaitan warga emas.

Kementerian juga baharu selesai melaksanakan kajian untuk mewujudkan satu model penjagaan jangka masa panjang bagi warga emas yang mampan dan menyeluruh. Model ini kelak akan mengintegrasikan perkhidmatan yang ditawarkan di peringkat hospital dan institusi dengan di rumah dan juga komuniti.

Malaysia tidak mempunyai satu model penjagaan warga emas jangka panjang yang standard buat masa ini, yang mana penjaga atau *care givers* di rumah atau pusat jagaan warga emas tidak tertakluk di bawah mana-mana akta atau peraturan. Melalui dapatan kajian ini, kementerian akan melihat kepada isu perundangan sedia ada dalam memastikan penjaga-penjaga ini mempunyai akauntabiliti di bawah peruntukan sesuatu akta atau peraturan. Bagi memastikan kebolehlaksanaan model penjagaan ini pula, salah satu hasil utama kajian adalah cadangan lokaliti atau daerah untuk dilaksanakan model ini sebagai projek rintis. Dalam masa yang sama.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengambil alih pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan warga emas swasta melalui Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 atau PAHFAS. Akta ini bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan penjagaan warga emas yang

disediakan oleh pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Kementerian ini dan KKM sedang bekerjasama rapat dalam proses penyediaan draf peraturan bagi melaksanakan akta ini. Sehubungan itu, dapatan kajian penjagaan jangka masa panjang ini kelak diharap akan dapat memperkukuhkan pelaksanaan dan penguatkuasaan PAHFAS dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan penjagaan terbaik buat warga emas di negara ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memastikan semua pusat jagaan berdaftar beroperasi dengan mematuhi semua standard minimum yang telah ditetapkan sebagaimana di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Jabatan Kebajikan Masyarakat melakukan pemeriksaan berkala ke atas Pusat Jagaan berdaftar sekurang-kurangnya sekali setiap 6 bulan. Manakala, pemeriksaan mengejut ke atas pusat jagaan berdaftar juga diadakan dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan semua pusat jagaan ini sentiasa mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Selain daripada itu, pemeriksaan pemantauan bagi melihat kepatuhan ke atas semua SOP dan garis panduan yang dikeluarkan semasa tempoh pandemik juga turut dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar.

JKM juga telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan. Ianya adalah sebuah sistem yang memberikan tanggungjawab kepada Pengendali Pusat Jagaan untuk mengemukakan laporan pengoperasian Pusat Jagaan mengikut suatu tempoh yang ditetapkan iaitu sekali dalam tempoh setiap 6 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan pra-sekolah dan penjagaan anak kecil yang diberikan kepada rakyat dan pengusaha TASKA/TADIKA swasta di seluruh negara memandangkan ia suatu kos yang tinggi yang harus ditanggung oleh ibu bapa muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 [Akta 308] adalah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak bagi maksud yang berkaitan dengannya di empat (4) kategori TASKA iaitu TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja, TASKA Komuniti dan TASKA di Rumah untuk memastikan perkhidmatan yang diberi sesuai dengan perkembangan kanak-kanak.

Kerajaan sangat prihatin akan beban yang ditanggung oleh rakyat. Justeru bagi meringankan beban ibu bapa dari segi kewangan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar, kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- i. Mulai tahun 2013, **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak TASKA sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA berdaftar dengan JKM** bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan isi rumah RM800.00 per kapita untuk di bandar dan RM500.00 per kapita di luar bandar. Sebanyak RM45.9 juta telah dibelanjakan bagi subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak TASKA Institusi dan di Rumah bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2021.
- ii. **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA Komuniti sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA Komuniti yang diiktiraf oleh JKM** bagi keluarga yang layak mengikut **pendapatan isi rumah RM5,000.00** dan ke bawah di semua kawasan. Sebanyak RM10.5 juta telah dibelanjakan mulai tahun 2012 hingga 2021 bagi subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA Komuniti;
- iii. **Penjawat awam yang menghantar anak ke TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam juga layak untuk memohon subsidi yuran pengasuhan RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak** mengikut kelayakan **pendapatan isi rumah RM5,000.00**

dan ke bawah (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013); dan

- iv. **Ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA berdaftar dengan JKM juga layak untuk pelepasan cukai pendapatan sehingga RM3,000.00 setahun** (Sumber: Perenggan 101 Bajet 2022).

Selain itu, kerajaan juga turut prihatin akan beban yang ditanggung oleh pihak pengusaha TASKA khususnya dalam situasi sukar penularan pandemik COVID-19. Justeru kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan berikut:

Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA)

- i. **Program Subsidi Upah** bagi semua majikan yang layak selama 3 bulan dalam tempoh PKP di bawah Bajet PRIHATIN (Tambahan) 2020 pada 6 April 2020. Seterusnya Program ini dilanjutkan lagi 3 bulan dengan **kadar subsidi RM600.00 sebulan bagi setiap pekerja di bawah PENJANA**;
- ii. Pemberian **bantuan khas kepada TASKA iaitu RM5,000.00 kepada TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Institusi dan RM1,500.00 kepada TASKA di Rumah**;
- iii. **Bayaran Insentif Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA maksimum RM900.00 seorang**; dan
- iv. **Peruntukan Geran bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam sebanyak RM10 juta pada tahun 2019, RM30 juta pada tahun 2020, RM30 juta pada tahun 2021 dan RM30 juta pada 2022.** Inisiatif ini bukan sahaja memberikan kemudahan kepada ibu bapa yang bekerja khususnya di sektor awam serta dapat mewujudkan peluang ekonomi dalam sektor penjagaan kanak-kanak.

Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)

- i. Pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Khas kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan JKM yang terkesan secara langsung dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Bantuan tersebut bertujuan untuk meringankan beban pengurusan TASKA. **Sebanyak RM3,000.00 diberikan kepada TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti. Manakala RM800.00 diberikan kepada pengusaha TASKA di rumah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) inisiatif dan kajian terkini dilakukan Kementerian bagi menangani masalah kemiskinan haid, melibatkan impak COVID-19 terhadap golongan miskin memperoleh produk sanitari, dan keberkesanannya; dan
- (b) jumlah individu yang mengalami kemiskinan haid bagi tempoh 2019 hingga kini mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Senario kemiskinan haid telah wujud dalam masyarakat di seluruh dunia termasuk Malaysia dan pandemik COVID-19 telah mendatangkan rintangan bagi wanita dan remaja perempuan untuk mendapatkan keperluan produk kebersihan diri kerana ia tidak dilihat sebagai barang keperluan yang penting terutamanya bagi keluarga yang mengalami kesempitan kewangan.

Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif dalam membantu untuk menangani Kemiskinan Haid dengan melaksanakan pelbagai strategi yang boleh memberikan impak secara langsung kepada kumpulan sasaran terutama golongan B40. Dengan pengumuman Belanjawan 2022 ini, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan yang memerlukan melalui pelaksanaan Program Pemberian Kit Kebersihan Asas Wanita Kepada Remaja Perempuan – Kit SERI (*Social Empowerment of Reproductive Health Initiatives*). Program ini akan melibatkan pemberian Kit Kebersihan Asas wanita kepada remaja perempuan di kawasan luar bandar dan bandar menerusi sekolah menengah terpilih. Proses ini melibatkan:

- 1) Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengenal pasti pelajar dari golongan B40 yang layak menerima bekalan ini melalui maklumat pangkalan data pelajar di bawah KPM. Pemberian bekalan Kit SERI ini akan diberikan secara berkala selama tempoh 12 bulan kepada **130,000 orang remaja perempuan berumur 13 hingga 17 tahun** di **1,124 buah sekolah** terpilih menerusi Pejabat Pendidikan Daerah Negeri di seluruh Malaysia.
- 2) Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengenal pasti kumpulan sasaran yang tercicir daripada institusi sekolah dan tiada akses kepada bekalan tuala wanita pakai buang untuk edaran tuala wanita kain bagi penggunaan jangka masa panjang.

SOALAN NO. : 53

Setakat ini di Malaysia masih belum mempunyai data khusus bagi mengesan jumlah sebenar yang tertekan oleh kemiskinan haid. Walau bagaimanapun, satu kajian rintis kepada 350 orang remaja dalam kalangan B40 telah dijalankan di 13 buah Komuniti PPR dan dua (2) buah Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekitar Kuala Lumpur bagi mengenal pasti isu permasalahan dan pemahaman kumpulan sasar terhadap isu kemiskinan haid. Hasil dapatan daripada tinjauan pendapat kepada penerima remaja tersebut mendapati sebanyak 13.1 peratus (%) remaja tersebut menyatakan harga produk pengurusan haid di pasaran tidak berpatutan dan tidak mampu dimiliki dan sebanyak 16.4 peratus (%) pula menyatakan pernah mengalami kesulitan mendapatkan produk pengurusan haid dalam tahun ini. Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan yang terkesan dengan isu kemiskinan haid di Malaysia sebagai negara yang sedang membangun.

Seterusnya melalui program pemberian kit ini, data secara komprehensif berkaitan isu ini dapat diperolehi dan tindakan penambahbaikan dan intervensi dapat dikenal pasti untuk penyelarasan program yang efektif dan berfokus .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : **23 MAC 2022 (RABU)**

SOALAN

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah jabatan yang khusus mengendalikan hal ehwal OKU yang diketuai oleh OKU sendiri diwujudkan bagi memastikan golongan OKU menikmati kesejahteraan kehidupan sama seperti masyarakat yang lain selari dengan komitmen Kerajaan tiada siapa dipinggirkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum dan mengucapkan **terima kasih akan keprihatinan serta cadangan** yang dikemukakan oleh YB Senator berhubung perkara ini.

Untuk makluman YB Senator, pada masa ini **Kementerian telah pun menubuhkan** sebuah Jabatan khusus yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia iaitu **Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU)** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. **JPOKU telah ditubuhkan pada tahun 2008 selaras dengan Seksyen 10, Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]. Berdasarkan kepada takrifan yang terkandung di bawah Seksyen 2, Akta Orang Kurang Upaya 2008, JPOKU bertanggungjawab bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, perkembangan dan kesejahteraan.**

JPOKU menjalankan kefungsiannya melalui 5 Bahagian iaitu **Bahagian Pembangunan Sosial, Bahagian Pemulihan dalam Komuniti (PDK), Bahagian Perkhidmatan Institusi, Bahagian Pembangunan Kerjaya dan Sekretariat Majlis Kebangsaan bagi orang Kurang Upaya.** Sehingga Februari 2022, JPOKU bertanggungjawab menguruskan seramai **802 orang pegawai dan kakitangan sama ada di peringkat ibu pejabat, negeri dan juga institusi.**

Sejak penubuhannya dan selari dengan pengiktirafan Akta OKU 2008, ketidakupayaan adalah konsep yang sentiasa berkembang, JPOKU dari semasa ke semasa telah berusaha menambahbaik peranan dan perkhidmatan yang disediakan. **JPOKU telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang termaktub dalam Akta OKU 2008** dan akan terus memperjuangkan pembangunan serta nasib OKU demi memastikan OKU tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara.

Berhubung dengan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) yang diketuai oleh OKU, Kementerian **menyambut baik akan**

cadangan ini selaras dengan Teras Strategik 6, Strategi 1, Objektif 1 (c) Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 iaitu meluaskan penglibatan OKU dalam proses perancangan dan penggubalan dasar. Sekiranya terdapat penjawat awam OKU yang bersesuaian, menepati kriteria, mematuhi tatacara yang telah ditetapkan serta diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian tiada sebarang halangan untuk OKU mengisi jawatan dan menerajui JPOKU.

Kementerian akan terus mendukung usaha membangun dan memperkasa OKU seperti mana yang telah ditetapkan dalam **Konvensyen Mengenai Hak OKU, Dasar dan Pelan Tindakan OKU serta Akta OKU 2008.**

Sekian, terima kasih.